KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPN PAHANG			



Tanam 1,500 pokok balak di tanah bekas kebun haram

KAKITANGAN pejabat hutan menanam pokok di Hutan Simpan Teras, semalam.

Raub: Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub menanam 1,500 pokok meranti tembaga dan merawan siput jantan di kawasan seluas empat hektar bekas kebun durian Musang King haram di Hutan Simpan Teras di sini, semalam.

Pegawai PHD Raub, Shahril Mohamad berkata, selesai menebang 600 pokok durian Musang King dalam Operasi Teras semalam, usaha menghijaukan semula kawasan terbabit terus dilakukan.

Menurutnya, usaha itu mengambil masa dua dan tiga hari dan dibantu 45 kakitangan PHD Raub, PHD Bentong, PHD Lipis dan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat.

"Pokok hutan berusia setahun hingga setahun lima bulan yang ditanam itu dapat mengurangkan risiko hakisan tanah di kawasan bukit dan berteres," katanya yang turut sama menyertai program menanam itu.

Menerusi Operasi Teras kelmarin, 600 pokok durian musang king berusia antara setahun hingga dua tahun yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Teras dimusnahkan.

Shahril berkata, pihaknya akan terus memantau kawasan itu secara berterusan bagi memastikan tidak diceroboh lagi dan Unit Tindakan Khas PHD Raub akan melakukan rondaan secara berkala bagi mengesan pihak tidak bertanggungjawab memasuki kawasan hutan simpan tanpa kebenaran.

Sementara itu Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Wan Ghazali Wan Ali berkata, pihaknya membekalkan anak pokok balak untuk di tanam di kawasan Hutan Simpan Teras yang diceroboh itu.

Katanya, tapak semaian Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat di Rotan Tunggal membekalkan anak pokok setiap kali program penghijauan semula kawasan ceroboh di negeri ini.

"Program menanam pokok balak turut menjayakan Program Penghijauan Malaysia kempen penanaman 100 juta pokok 2021-2025," katanya.